

# PILIHANRAYA: BARA — PAS BERMUAFAKAT

IPOH, Ahad — Barisan Rakyat (BARA) Malaysia akan bermuafakat dengan PAS sebagai menguatkan lagi peluang mereka menawan beberapa buah kerusi negeri dan parlimen dalam pilihanraya umum akan datang.

Mereka samasekali menolak sebarang pakatan dengan DAP walaupun ia juga salah sebuah parti pembangkang.

BARA tidak dapat menerima DAP kerana konsep perjuangan yang dikatakan berlainan, tambahan pula dengan sikap angkuh beberapa pemimpin DAP sejak akhir-akhir ini amat ketara sekali.

Disebabkan angan-angan tinggi, seorang pemimpin BARA mendakwa yang mereka bersedia bekerjasama dengan PAS mengikut kehendak sesebuah negeri.

Setiausaha BARA Perak, Encik Abu Samah Majid yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran dan Kebudayaan Pusat ketika ditemui yakin kerjasama itu akan mendatangkan hasil.

Para pemimpin BARA begitu optimis terutama di Selangor yang mereka dakwa cawangan yang terkuat sekali di negara ini.

## Bertanding

Encik Abu Samah yang akan turut bertanding dalam pilihanraya akan datang menambah, walaupun kekuatan Barisan Nasional terutama UMNO Perak tidak dapat dinafikan, tetapi BARA akan melakukan sesuatu di luar dugaan.

Bellau tidak menafikan calon-calon parti tersebut menumpukan sepenuh tenaga dan perhatian

mereka di kawasan-kawasan yang yang dianggap kubu kuat DAP, sama ada di Perak atau negeri-negeri lain.

"Yang penting kami menguji kekuatan kami sebagai parti baru sama ada diterima atau tidak oleh rakyat yang kami sifatkan sudah masak dengan politik tanah air," katanya.

Di antara calon-calon BARA yang akan bertanding di Perak ialah pemimpin pusatnya, Encik Shaharuddin Dahalan, peguam Encik G. Siva Pragasam, Encik Thong Yee dan Encik Ong Swee Koh.

Encik Shaharuddin, bekas Presiden PEKEMAS Pusat pernah bertanding di kawasan Sungai Manik dalam pilihanraya umum 1978, tetapi tewas ditangan ADUN Barisan Nasional, Encik Mohd Yusof Madin.